



**BULETIN**

# INPENS

INDUSTRI PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

**EDISI**  
8/2017



Lebih 350 calon SPM tahun ini sertai lawatan ke INPENS dalam Program Jelajah IPT Selangor 2017. Berita lanjut di halaman 6.

## MENARIK DI DALAM!



### Majlis Konvokesyen INPENS Ke-21

Majlis Konvokesyen INPENS Kali Ke-21 telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad yang juga Exco Pendidikan Negeri Selangor. Seramai 459 graduan telah menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) masing-masing.

m/s 3, 4 & 5



### Transformasi INPENS 2017

Sektor Kejuruteraan Elektrik & Sektor Teknologi Automotif INPENS kini berwajah baharu! Saksikan transformasi di kedua-dua sektor ini.

m/s 8 & 9



### Perbarisan Kemerdekaan 2017

INPENS kekal menjadi juara buat dua tahun berturut-turut dalam perbarisan kemerdekaan sempena Hari Kemerdekaan ke-67 Peringkat Negeri Selangor pada 30 Ogos lalu.

m/s 13

# DARI KAMAR KETUA EKSEKUTIF

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat baginda.

Syukur Alhamdulillah, dengan izin-Nya kita bersua lagi di dalam Buletin INPENS Edisi ke-8 yang juga merupakan penglibatan kali ketiga saya bersama-sama dengan Buletin ini. Tidak lain tidak bukan, saya mengharapkan semua pembaca Buletin ini dapat memahami hasrat INPENS dalam menjadikan bidang kemahiran sebagai cabang pendidikan utama di negara ini.

Selaku peneraju Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (Technical and Vocational Education Training – TVET) di Negeri Selangor, INPENS sedaya upaya memastikan kualiti pembelajaran dan pengajaran yang diamalkan adalah bertaraf global. Malahan INPENS sangat komited dalam memastikan graduan INPENS sentiasa kompeten serta memenuhi kehendak industri. INPENS juga tuntas dalam menyiap siagakan graduannya demi menghadapi revolusi Industri 4.0 yang sedang rancak mengalami lonjakan.

Sukacita saya kongsikan, INPENS juga sedang giat melaksanakan beberapa transformasi demi menjayakan agenda sebagai institusi kemahiran yang berkualiti tinggi. Transformasi ini juga bakal dikongsikan di dalam penerbitan Buletin Edisi 8 ini. Bukan sahaja imej baharu INPENS akan ditampilkan, kualiti tenaga pengajar di INPENS juga akan dipertingkatkan. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjayakan agenda transformasi ini dan seterusnya menjadikan TVET sebagai pilihan pertama aliran pendidikan di Malaysia.

Dikesempatan ini juga, saya mengucapkan syabas kepada Sidang Redaksi Buletin INPENS yang tidak pernah lelah menjadikan setiap edisi keluarannya lebih baik berbanding sebelumnya. Saya juga merasakan imej baharu yang disuntik juga menjadikan Buletin INPENS kelihatan lebih segar dan futuristik.

Janganlah kita membuang masa lagi. Ayuh! Kita "Cemerlang Bersama INPENS"!

**Y.Bhg. Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman**  
Ketua Eksekutif INPENS

## TINTA KETAU EDITOR

Assalamu'alaikum W.B.T. dan Salam Transformasi...

Alhamdulillah, buat kesekian kalinya, berjumpa kita kembali di dalam penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-8. Saya mengharapkan semua pembaca dikurniakan kesihatan dan dilimpahi rahmat oleh Allah SWT.

Edisi kali ini merupakan edisi kedua yang memaparkan tema baharu Buletin INPENS. Tema baharu yang diperkenalkan adalah tidak lain tidak bukan adalah untuk menterjemah misi Transformasi INPENS 2017. Baru-baru ini juga kita telah menyambut tahun baharu Islam 1439H yang mana kita semua tahu bahawa sesebuah penghijrahan mampu menerbitkan banyak faedah dan kebaikan. Begitulah jua situasinya di INPENS, setelah 24 tahun ditubuhkan INPENS kini berwajah lebih matang dan segar. Transformasi sebenarnya tidak diallikasikan kepada rupa luaran sahaja tetapi mentaliti juga harus diubah demi menjayakan agenda transformasi yang dirancang.

Mengangkat tema 'transformasi' bagi penerbitan buletin kali ini, transformasi berskala mega dapat disaksikan di dua sektor di INPENS iaitu Sektor Kejuruteraan Elektrik dan Sektor Teknologi Automotif. Pembinaan bay pendawaian elektrik bertingkat dan bilik teori automotif bertaraf industri merupakan satu perubahan yang dinanti-nantikan. Gelanggang futsal juga telah dinaiktaraf demi memberi keselesaan kepada para pelajar. Tidak dilupakan, rangkuman Majlis Konvokesyen INPENS Ke-21 dan Program Jelajah IPT Selangor 2017 turut diselitkan. Kejayaan kontinen INPENS menjuarai perbarisan sempena Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Selangor juga turut dipaparkan kali ini. Marilah kita berganding bahu menjayakan agenda Transformasi INPENS 2017!

Sekian, salam transformasi!

**Nur'Adnin Syamil Halik Bassah**  
Ketua Editor



## SIDANG REDAKSI

- **Penaung**  
**Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman**
- **Penasihat**  
**Encik Jefri bin Mejan**
- **Ketua Editor**  
**Nur'Adnin Syamil binti Halik Bassah**
- **Penolong Editor**  
**Siti Noor Hani binti Mohd Fatoni**
- **Pereka Grafik**  
**Ahmad Zulkhidzrie bin Mohamad Zuki**

- **Wartawan**  
**Solihah binti Yaacob**  
**Zawiah binti Abdullah**  
**Siti Rahimah binti Mohamad Noor**  
**Mohd Nor Izzuddin bin Rahudin**  
**Siti Nurliyana Irdina binti Zakaria**
- **Jurugambar**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Bahagian Hal Ehwal Pelajar**
- **Pembantu Redaksi**  
**Jabatan Latihan Kemahiran & HEA**  
**Bahagian Hal Ehwal Pelajar**  
**Bahagian Sumber Manusia**  
**Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS**

Sidang redaksi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-8 ini. Kami mengalu-alukan sumbangan artikel/rencana/berita semasa yang berkaitan dengan pendidikan, sahsiah dan aktiviti kemasyarakatan daripada warga INPENS. Kirimkan tulisan anda kepada:

**KETUA EDITOR BULETIN INPENS**  
INPENS International College,  
Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-3281 2617 / 19 / 21  
Faks : 03-3281 2625  
Email : syamil@inpens.edu.my

## INFO KONVO KE-21

### TARIKH

16 MEI 2017 (SELASA)

### TEMPAT

AUDITORIUM, DEWAN JUBLI PERAK  
SULTAN ABDUL AZIZ, SHAH ALAM

### JUMLAH GRADUAN

459 ORANG

### DISEMPURNAKAN OLEH

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(EXCO PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN, SAINS, TEKNOLOGI  
& INOVASI NEGERI SELANGOR)



**TAHNIAH  
KEPADА  
GRADUAN**

MERAIKAN KECEMERLANGAN DI  
MAJLIS KONVOKESYEN INPENS KE -

**21**

## SENARAI PENERIMA ANUGERAH

### ■ ANUGERAH EXCO PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

Akmal Zainul Ariffin bin Mohamad Rashidi

### ■ ANUGERAH SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Nor Shahira Amira binti Ismail

### ■ ANUGERAH SEMANGAT JATI DIRI

Muhammad Zulhilmi bin Maula Zainal  
Amirah Shaheera binti Shaharudin  
Mohamad Hafizuddin bin Ghazali

### ■ ANUGERAH INSPIRASI BELIA

Muhammad Akrimi bin Salihin  
Kishok a/l Ramesh  
Sugan a/l Chandran  
Muhammad Adib Eiman bin Tuah  
Kashtoori a/l Thomas  
Sharmin Nazihatul Azera binti Samsudin  
Muhammad Iqbal bin Ismail  
Aiman Amirul bin Zahari  
Muhammad Ashraf bin Abdul Kadir  
Siti Aisah binti Sha'ari  
Mohd Amerul Amin bin Abd Ghani

### ■ ANUGERAH TERBAIK SEKTOR

Nur Adilah binti Abdullah  
Muhammad Nazrul Nazwan bin Abd Manaf  
Mohamad Azhari bin Hussin  
Nurulsyahfarahain binti Fairoz  
Roshila Ashiqin binti Mohammed Rostam  
Shamsul Akmal bin Norazmi  
Fazirul Akmal bin Mustazar  
Nur Azwa Syurhadah binti Ibrahim  
Wan Adryzal Fahmi bin Adnan

### ■ ANUGERAH SUKAN

Nor Suhada binti Rosman



# LENSA Konvokesyen



# PROGRAM JELAJAH IPT SELANGOR 2017



## MAKLUMAT PROGRAM

- Penyertaan lebih 2,000 calon SPM 2017 yang mengikuti Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS).
- Bertujuan memperkenalkan institusi pengajian tinggi (IPT) di bawah Kerajaan Negeri Selangor iaitu INPENS, Unisel dan KUIS.
- Program ini diadakan secara berperingkat (2 Siri) dan sebanyak 12 buah DUN telah hadir ke Kampus INPENS.
- Peserta yang hadir akan diberikan taklimat untuk menyambung pengajian dan mengikuti lawatan kampus.

**SIRI 1 : 23 Sept. 2017**

DUN	Pelabuhan Klang
	Sementa
	Sungai Pinang
	Meru
	Selat Kelang

**SIRI 2 : 1 Okt. 2017**

DUN	Sijangkang
	Seri Serdang
	Dengkil
	Sungai Pelek
	Tanjung Sepat
	Subang Jaya
	Seri Setia





◀ Azni Syafika Alizar



◀ Kastoori a/p Thomas




# INPENS MEGAH KE PENTAS AKHIR **PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA 2017**

**INPENS** pada tahun ini megah melangkah ke pentas akhir Pertandingan WorldSkills malaysian Belia 2017 (PWSMB 2017) dengan menghantar dua orang peserta dalam bidang jahitan. PWSB 2017 diadakan di CIAST, Shah Alam bermula dari 12 hingga 14 Ogos. Terdahulu, Azni Syafika Alizar dan Kashtoori a/p Thomas telah mengungguli tiga tempat teratas pada peringkat pra kelayakan yang diadakan di Pulau Pinang pada April lalu. Kashtoori yang ditemui berkata, beliau sangat bersyukur dapat melangkah ke pentas akhir PWSB 2017 berkat latihan gigih dan tunjuk ajar yang diberikan tenaga pengajar INPENS. Beliau dan Azni juga berharap dapat menggenggam Anugerah Tangan Emas yang menjadi rebutan peserta yang bertanding.

Ketua Sektor Tekstil & Pakaian INPENS, Zalina Rahmat berkata, INPENS tekad mahu mengulangi kejayaan memenangi Anugerah Tangan Emas dalam bidang jahitan pada tahun 2012. Penghantaran dua wakil ini merupakan strategi INPENS untuk meningkatkan kebarangkalian merangkul anugerah tersebut. Anugerah Tangan Emas merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada pelajar-pelajar kemahiran di negara ini. Sebelum ini juga, INPENS telah menghantar wakil dalam bidang dandan dan rambut ke WorldSkill ASEAN yang diadakan di Hanoi, Vietnam pada tahun 2014.

Sementara itu, Ahmad Zabri Mohd Yaman yang juga Ketua Eksekutif INPENS berkata, penyertaan dua wakil INPENS di PWSMB 2017 menunjukkan graduan INPENS sememangnya berbakat dan berkemahiran. Umum juga mengetahui bahawa PWSB adalah pertandingan yang sangat berprestij yang mengumpulkan graduan kemahiran dari seluruh negara, oleh itu INPENS sangat berbangga dengan pencapaian ini, ujar beliau lagi. Keputusan bagi pertandingan ini dijangka akan diumumkan pada November 2017 nanti. Ayuh, kita doakan kemenangan buat kedua-dua peserta INPENS ini.

# SEKTOR KEJURUTERAAN ELEKTRIK



## TRANSFORMASI INPENS 2017: SEKTOR KEJURUTERAAN ELEKTRIK & SEKTOR TEKNOLOGI AUTOMOTIF

INPENS komited melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja berkemahiran tetapi turut memenuhi kehendak industri.

INPENS kini giat melaksanakan transformasi terutamanya di sektor-sektor kemahiran yang ditawarkan.

Ayuh, kita lihat hasil transformasi di Sektor Kejuruteraan Elektrik dan Sektor Teknologi Automotif.





Basic Motor Control  
(28 Unit)



Equipment Store



2-Tiers Electrical  
Wiring Bay



Motor Control Standing  
Panel (20 Unit)



Main Switch Board  
with Artificial Loading  
Unit



Fire Alarm System  
Panel

## SEKTOR TEKNOLOGI AUTOMOTIF



Simulation Area



Vehicle Structure



Underbody Vehicle  
Structure



Classrooms

# MEMACU TRANSFORMASI INPENS MELALUI BENGKEL MEMPERKASA PENDIDIK & BENGKEL CUDBAS

## BENGKEL MEMPERKASA PENDIDIK



## BENGKEL CUDBAS



Dalam usaha bergelar institusi kemahiran dan vokasional yang unggul, INPENS telah menganjurkan 'Bengkel Pendidik PEMACU TRANSFORMASI INPENS' yang berlangsung pada 29 Julai hingga 1 Ogos 2017 di Thistle Resort, Port Dickson.

Pengurus Hal Ehwal Akademik INPENS, Norzilawati Md Said berkata bengkel empat hari ini dianjurkan bagi memastikan setiap tenaga pengajar di INPENS mempunyai pengetahuan yang sejajar dengan keperluan industri serta mampu membawa anjakan paradigma kepada dunia kemahiran khususnya di INPENS. Beliau juga berkata, objektif bengkel berkenaan ialah meningkatkan kualiti tenaga pengajar di INPENS dengan menerapkan tiga elemen iaitu Kemahiran, Pengetahuan dan Sikap.

Sementara itu, tenaga pengajar INPENS juga diwajibkan mengikuti Bengkel CUDBAS (Curriculum Development Based on Vocational Ability Structure) yang telah diadakan pada 5 hingga 9 September 2017 bertempat di Hotel Goldcourse, Klang. Bengkel ini dilaksanakan bagi memastikan tenaga pengajar INPENS mempunyai karakter yang unggul sebagai pendidik selain membangunkan kurikulum yang berkesan.

Sementara itu, Ahmad Zabri Mohd Yaman yang juga Ketua Eksekutif INPENS berkata kedua-dua bengkel yang julung kali diadakan ini adalah seiring dengan pembangunan infrastruktur dan fasiliti yang sedang rancak dijalankan di INPENS. Menurut beliau, kedua-dua usaha tersebut dijalankan bagi memastikan INPENS bukan sahaja mempunyai prasarana yang kondusif, relevan terhadap kehendak industri malahan mempunyai tenaga pengajar yang berkualiti dan berkomitmen tinggi.

# GELANGGANG FUTSAL



# SUKAN MEMANAH



Gelanggang futsal INPENS kini berwajah baharu dan dibuka kepada pelajar-pelajar untuk melakukan riadah pada waktu petang. Sebanyak dua buah gelanggang telah dinaik taraf bagi memastikan pelajar-pelajar dapat bermain futsal dengan selesa dan selamat.

Selain itu, sukan memanah juga turut diperkenalkan bermula tahun ini. Sebanyak 10 set memanah telah disediakan kepada pelajar yang berminat dan latihan diadakan pada setiap hari Khamis. Pelajar-pelajar yang berminat menyertai sukan ini boleh menghubungi Bahagian Hal Ehwal Pelajar INPENS.



## Majlis Berbuka Puasa INPENS

15 Jun 2017 (20 Ramadan 1438H)



## Sambutan Aidilfitri INPENS

20 Julai 2017 (26 Syawal 1438H)



## Kursus Asas Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) & Persatuan Bulat Sabit Malaysia (PBSM) – Satu Pendedahan Kaedah Menyelamat & Menangani Kecemasan, 30 Julai 2017 (6 Zulkaedah 1438H)



**INPENS Kekal Juara! – Perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-67 Peringkat Negeri Selangor (Kategori Swasta/GLC)**

30 Ogos 2017 (8 Zulhijjah 1438H)



**Qurban INPENS**

4 September 2017 (13 Zulhijjah 1438H)



**Camp "Hey, Just Speak!" – Satu Kolaborasi Akademik Bersama KUIS**

8 - 13 September 2017 (17 - 22 Zulhijjah 1438H)

# KENAPA ANDA MEMILIH INPENS ?



"Saya memilih INPENS kerana mempunyai tenaga pengajar yang bertauliah dalam setiap bidang. Peralatan pembelajaran yang disediakan juga amat lengkap dan berkualiti. Kemudahan pinjaman untuk pembiayaan juga disediakan bagi pelajar yang memerlukan. Saya memang tidak ragu-ragu memilih INPENS dan ilmu yang saya perolehi akan saya gunakan untuk memajukan negara."

**Norizzati binti Mohtar**  
Kursus Perkhidmatan Terapi Estetik, Tahap 3

"INPENS adalah tempat menyemai bakat kemahiran belia-belia yang berpotensi. Saya memilih untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang Teknologi maklumat di INPENS kerana kemudahan pembelajaran yang disediakan adalah terkini. Barisan tenaga pengajar juga sangat berkaliber melalui kaedah pengajaran yang berkesan."

**Ang Ka Jun**  
Kursus Operasi Sistem Komputer, Tahap 3



"Saya melanjutkan pengajian dalam Bidang Fesyen dan Pembuatan Pakaian di INPENS kerana kampusnya yang selesa. Saya merasa amat teruja untuk mempelajari seni jahitan untuk banyak jenis pakaian. Tenaga Pengajar di INPENS amat komited membimbang kami dalam menyiapkan semua tugas agar mencapai kualiti yang dikehendaki. Saya mengesyorkan remaja yang berminat dengan kemahiran untuk segera mendaftar di INPENS. Jom belajar kemahiran!"

**Theyvasshree a/p Naidu**  
Kursus Pembuatan Pakaian Wanita, Tahap 3

"INPENS menjadi pilihan saya kerana para pelajar bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu kemahiran, kami juga diberikan bimbingan untuk laluan kerjaya kami. Kami diajar berkaitan tatacara menghadiri temuduga dan bagaimana untuk bergelar pekerja cemerlang. Disiplin yang tinggi juga diterapkan kepada para pelajar agar kami bersedia untuk berhadapan dengan realiti dunia kerjaya sebenar yang bukan sahaja memerlukan komitmen tetapi kerja yang bermutu."

**Muhammad Nazir bin Mohd Hanif**  
Kursus Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik, Tahap 2





“

Transformasi merupakan perkara yang saya nanti-nantikan di INPENS. Ia merupakan terjemahan kepada keseriusan INPENS dalam memartabatkan TVET sebagai pilihan utama generasi muda. Sudah semestinya, sesuatu transformasi itu memerlukan penerimaan dan kesediaan warganya dalam segala aspek seperti fizikal, mental dan rohani. Melalui transformasi ini juga, akan lebih banyak idea-idea dan kreativiti baharu boleh dicambah dalam usaha melonjakkan INPENS sebagai peneraju latihan vokasional di negeri ini.”

**Mohd Faizal bin Zainal**

Ketua Sektor (Instruktur Kanan), Sektor Kejuruteraan Elektrik



“

Ternyata infrastruktur, prasarana dan imej baharu INPENS yang ditampilkan adalah bertaraf 5★★★★★! Saya juga percaya motivasi kakitangan akan bergerak seiring dengan langkah transformasi ini. Selain itu, agenda perubahan ini akan menjayakan misi INPENS untuk melahirkan lebih ramai graduan kemahiran yang berkualiti tinggi bagi memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk memakmurkan negeri.”

**Rosli bin Mohamed Isa**

Pembantu Pentadbiran, Bahagian Pentadbiran & Fasiliti



“

Dengan adanya kemudahan infrastruktur yang telah disediakan dapatlah warga INPENS berbakti dengan lebih selesa. Persekutuan pembelajaran juga sangat kondusif yang saya yakini boleh menambah produktiviti dan keselesaan pelajar. Langkah transformasi yang diambil ini amat tepat kepada INPENS memandangkan TVET merupakan sektor pendidikan yang signifikan kepada banyak bidang industri dan pembangunan ekonomi negara.”

**Syamsul Syaartisa binti Mohd Samsudin**

Instruktor, Sektor Tekstil & Pakaian



“

Secara keseluruhannya, INPENS sedang melalui fasa perubahan fizikal yang baik. Sudah semestinya langkah transformasi ini sangat dinantikan seluruh warga INPENS. Dengan ruangan kerja yang lebih eksklusif dan ruangan pembelajaran yang kondusif, INPENS kini adalah bertaraf IPT lain yang ternama. Saya sangat berbangga dengan perubahan ini dan teruja untuk menjadi sebahagian daripada proses transformasi yang dijalankan.”

**Mohd Rusman bin Husin**

Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar



“

Saya gembira melihat banyak transformasi dari segi pemberian struktur bangunan dan kelengkapan bahan pembelajaran. Sudah tentu para pelajar akan lebih selesa dan pentadbiran kolej dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Melalui bimbingan tenaga pengajar yang berpengalaman, graduan kelahiran INPENS sudah semestinya berkualiti dan berkemahiran tinggi.”

**Julaida binti Mohamad Johari**

Pegawai Akaun, Jabatan Kewangan & Akaun



## MUHAMMAD FADHIL LUQMAN BIN MOHD NOR

KURSUS : PEMASANGAN & PENYELENGGARAAN ELEKTRIK

SEKTOR : SEKTOR KEJURUTERAAN ELEKTRIK

JAWATAN : JURUTERA SOKONGAN

TEMPAT KERJA : IMPIAN SELAMA COMMUNICATION (M) SDN BHD

PENDAPATAN : RM5,000.00 - RM7,000.00 SEBULAN

## INFO ALUMNI

**INPENS  
Fadhil**

**: Kenapakah anda memilih INPENS?**

- INPENS menjadi pilihan saya kerana menawarkan banyak bidang kemahiran serta memberikan pendidikan percuma kepada anak Selangor yang berkelayakan. Kedudukan INPENS yang strategik dengan banyak kemudahan dan pengangkutan awam juga menjadi penyebab saya memilih INPENS.

**INPENS  
Fadhil**

**: Boleh ceritakan pengalaman anda semasa berada di INPENS?**

- Saya belajar di INPENS pada tahun 2010 hingga 2011. Saya gembira dikelilingi tenaga pengajar yang berpengalaman dan mesra. Rakan-rakan juga sering memberikan sokongan ketika ujian amali. Menariknya, kami masih berhubung sehingga ke hari ini untuk berkongsi cerita masing-masing.

**INPENS  
Fadhil**

**: Apakah pendapat anda berkaitan peluang kerjaya di dalam bidang elektrik?**

- Peluang kerjaya bidang elektrik memang cerah jika bijak mencari peluang yang ada. Anda perlu berani berhadapan dunia realiti sesebuah kerjaya yang penuh dengan cabaran demi mendapatkan pengalaman dan skill bekerja yang terbaik.

**INPENS  
Fadhil**

**: Bagaimanakah kerjaya anda sekarang?**

- Saya kini menjayakan projek naik taraf LRT di Kuala Lumpur. Saya perlu memastikan sistem elektrik di landasan LRT diselenggara dengan baik bagi memastikan kelancaran operasi tanpa sebarang masalah teknikal.

**INPENS  
Fadhil**

**: Apakah nasihat anda kepada pelajar yang masih menuntut di INPENS?**

- Nasihat saya buat yang masih menuntut di INPENS, gunakanlah segala peluang dan ruang yang ada untuk mencedok ilmu sebagai tambah nilai dalam diri. Sentiasalah mengasah serta memperhebatkan kemahiran sebaiknya sebagai persediaan untuk kebolehpasaran kerja selepas tamat pengajian kelak.